

BAB 5
ANALISIS RETORIK PENULISAN KEWARTAWANAN
AKHBAR *BERITA HARIAN*: ASPEK SINTAKSIS

5.1 Pengenalan

Dalam Bab 3, telah diuraikan aspek teori, prinsip dan ciri retorik penulisan kewartawanan yang berkaitan dengan aras-aras linguistik, termasuk aras sintaksis. Dalam Bab 4 telah dipaparkan analisis data daripada sampel berita akhbar *Berita Harian* pada aras morfologi, iaitu kata. Dalam bab ini, analisis dilakukan pula untuk aspek sintaksis.

Dalam sintaksis, ayat merupakan unit tertinggi atau terbesar sesudah frasa dan klausa. Walaupun dalam kajian wacana ayat bukan unit yang tertinggi atau terbesar, malah terikat oleh kewujudan ayat-ayat lain untuk menghasilkan kepaduan teks, namun binaan atau struktur sesuatu ayat tetap mempengaruhi keutuhan sesuatu wacana. Maksudnya, sebelum isu penjalinan dan kepaduan teks diteliti, perlu diperhatikan juga keutuhan ayat sebagai unit bahasa dalam wacana. Dalam kes kajian ini, analisis ayat dilakukan untuk melihat keberkesanan penulisan kewartawanan, iaitu seperti yang telah dilakukan pada aras morfologi sebelum ini (lihat Bab 4).

5.2 Unsur yang Dianalisis

Analisis ayat yang dilakukan dalam kajian ini tertumpu pada dua unsur utama, iaitu:

- i. Ayat yang berkesan
- ii. Kompleksiti ayat

Unsur yang pertama berkaitan dengan keberkesanan ayat sebagai salah satu asas keutuhan retorik, sementara unsur yang kedua berkaitan dengan binaan ayat dan

hubungannya dengan kejelasan penyampaian mesej. Kedua-duanya saling berkaitan; yang pertama melihat kandungan dan bentuk sekali gus, sementara yang kedua melihat bentuk sebagai perantaraan mesej.

Untuk unsur ayat berkesan, secara khusus akan dikaji tiga unsur utama ayat yang berkesan menurut huraian dan analisis yang pernah dibuat oleh Gorys Keraf (1984) dan Awang Sariyan (1996 dan 2000), iaitu:

- i. Kesatuan gagasan
- ii. Kepaduan ayat
- iii. Kenalaran

Untuk unsur kedua pula, yang akan dikaji ialah:

- i. Ayat tunggal
- ii. Ayat majmuk

Tentang kewajaran unsur-unsur sintaksis yang dianalisis, tiga yang pertama diberi tumpuan kerana keberkesanan retorik pada aras sintaksis bergantung pertamanya pada ayat yang berkesan. Maksudnya, ayat dalam berita akhbar, sebagaimana juga dalam teks atau wacana formal jenis yang lain, tidak mencapai tahap retorik yang baik jika tidak memenuhi tiga ciri asas itu. Sebagaimana pendapat Gorys Keraf (1984: 34), ayat merupakan bentuk bahasa yang mencuba menyusun dan menuangkan gagasan-gagasan seseorang untuk dikomunikasikan kepada orang lain. Akhbar sebagai wahana komunikasi yang ditujukan kepada sejumlah khalayak yang luas julat usia, latar kerjaya dan pendidikannya amat perlu dikaitkan dengan tujuan komunikasi berkesan itu. Ayat-ayat yang digunakan untuk menyampaikan mesej kepada khalayak mestilah ayat yang berkesan.

Antara sarjana yang melakukan analisis ayat berkesan berdasarkan teks termasuklah Gorys Keraf (1984 dan Awang Sariyan, 1996, 2000). Dalam konteks kajian ini, tiga unsur atau ciri ayat yang berkesan dipilih, iaitu:

- (i) kesatuan gagasan
- (ii) kepaduan ayat
- (iii) kenalaran

Yang dimaksudkan dengan kesatuan gagasan, menurut huraian kedua-dua orang sarjana itu, ialah pernyataan tema atau fokus ayat secara jelas, tidak kabur dan tidak terpecah-pecah kepada beberapa hal. Dalam hal ini, hubungan subjek dan predikat ayat tertumpu pada satu gagasan atau idea sahaja, bukan beberapa gagasan, apatah lagi yang tidak saling berkaitan. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, dan dengan itu merupakan ayat yang berkesan, ialah:

- (1) Perkhidmatan kereta api Persekutuan telah puleh kembali hari ini sa-telah lumpoh sa-lama tiga hari akibat perselisihan antara driver2 kereta api dengan pehak2 yang berkuasa jabatan itu. *(Berita Harian, 23 November 1959)*

Tema atau fokus ayat itu ialah “pulihnya perkhidmatan kereta api daripada tergendala selama tiga hari”. Ayat itu dikatakan berkesan kerana menyampaikan maklumat yang jelas dan tidak samar atau mengelirukan. Begitu juga tidak terdapat lebih daripada satu gagasan atau idea utama yang hendak ditonjolkan dalam ayat itu

Contoh ayat yang tidak memenuhi ciri kesatuan gagasan pula ialah:

- (2) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah-nya mengistiharkan Tammat-nya Dharurat hari ini telah menyatakan keshukuran-nya bahawa zaman 12 tahun “yang gelap gelita” yang lalu sekarang di-ganti dengan “zaman baharu, zaman bahagia yang belum pernah di-rasai oleh ra’ayat jelata beta di-masa yang lalu.” *(Berita Harian, 1 Ogos 1960)*

Ayat itu tidak berfokus secara khusus pada satu gagasan yang jelas kerana agak banyak maklumat yang ingin disampaikan sekali gus dalam satu ayat. Penyampaian maklumat menjadi kabur juga kerana agak banyak ‘hiasan’ bahasa yang digunakan, menjadikan ayat tidak persis. Ayat itu dapat dijadikan ayat yang berkesatuan gagasan jika difokuskan pada pengisytiharan tamatnya darurat sahaja.

Kepaduan pula ialah hubungan timbal balik yang baik dan jelas antara unsur-unsur pembentuk ayat (kata dan frasa). Contoh hubungan antara unsur yang penting ialah antara kata kerja transitif dengan objek, kedudukan frasa yang menjadi penerang dan keterangan, hukum D-M dan hubungan subjek dengan predikat. Contoh ayat yang padu ialah:

- (3) Dr. A.A. Sandosham, bekas Pengetua Universiti Malaya bahagian Singapura hari ini mengingatkan bahaya sikap mendiamkan diri terhadap sa-buah Kerajaan yang memerlukan kechaman dan tegoran.
(*Berita Harian*, 13 Jun 1960)

Ayat (3) menjalin hubungan kata kerja transitif *mengingatkan* dengan objeknya *bahaya sikap mendiamkan diri terhadap sa-buah Kerajaan yang memerlukan kechaman dan tegoran..* Ayat itu akan hilang kepaduannya jika dibina dalam susunan yang berikut:

- (4) Dr. A. Sandosham, bekas Pengetua Universiti Malaya bahagian Singapura hari ini mengingatkan tentang bahaya sikap mendiamkan diri terhadap sa-buah Kerajaan yang memerlukan kechaman dan tegoran.

Dalam ayat itu, hubungan antara kata kerja transitif dengan objek dipisahkan oleh kata sendi *tentang*. Contoh ayat lain yang tidak padu dan lazim terdapat dalam media, walaupun bukan daripada sampel yang dikaji ialah:

- (5) Menurut Kementerian Dalam Negeri menyatakan bahawa usaha membendung penerbitan yang bersifat menghasut sentiasa ditingkatkan.

Ayat itu tidak padu kerana hubungan subjek dengan predikat tidak jelas. Frasa *menurut Kementerian Dalam Negeri* tidak dapat menjadi subjek kerana adanya kata *menurut*. Oleh itu seluruh ayat menjadi tidak gramatis dan sekali gus hilang kepaduannya.

Ayat itu dapat dinyatakan dengan cara yang memelihara kepaduannya, iaitu:

- (6) Menurut Kementerian Dalam Negeri, usaha membendung penerbitan yang bersifat menghasut sentiasa ditingkatkan.

Cara lain penyataan ayat yang padu bagi ayat (6) ialah:

- (7) Kementerian Dalam Negeri menyatakan bahawa usaha membendung penerbitan yang bersifat menghasut sentiasa ditingkatkan.

Dalam ayat itu, frasa *menurut Kementerian Dalam Negeri* menjadi keterangan ayat, manakala subjek ayat ialah *usaha membendung penerbitan yang bersifat menghasut* dan predikatnya *sentiasa ditingkatkan*.

Ciri ketiga ayat yang berkesan, iaitu kenalaran berkaitan dengan kebermaknaan ayat (*meaningfulness*) dan adanya unsur logika dalam ayat. Contoh ayat yang nalar atau logis ialah:

- (8) Tiga orang tua telah mati kena pijak pagi ini manakala kira2 lebih dari 2,000 orang merempoh masuk ka-dalam Tokong Budha Singapura di-Kim Yam Road kerana hendak mendapatkan “ang pow” hadiah2 tahun baharu China.
(*Berita Harian*, 2 Februari 1959)

Dalam analisis data berdasarkan sampel akhbar *Berita Harian* setiap tahun, ketiga-tiga ciri itu akan dilihat sebagai satu entiti, iaitu bukan ciri atau unsur yang terpisah. Maksudnya, ayat yang berkesan seharusnya mempunyai ketiga-tiga ciri itu sekali gus; tanpa salah satu ciri itu tidak terhasil ayat yang berkesan.

Aspek kompleksiti ayat pula dianalisis untuk diperhatikan bagaimana retorik kewartawanan memanfaatkan pola ayat untuk menimbulkan keberkesanan komunikasi. Dalam kajian ini, diteliti sama ada ayat tunggal atau ayat majmuk yang dimanfaatkan oleh pengarang berita untuk menyampaikan mesej. Ayat tunggal ialah ayat yang subjek dan predikatnya terdiri daripada satu klausa sahaja, sementara ayat majmuk ialah ayat berlapis atau berkait, iaitu sama ada subjek atau predikatnya, atau kedua-duanya lebih daripada satu. Ayat majmuk terpecah kepada ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran (Nik Safiah Karim et al., 1994).

Analisis penggunaan ayat, sama ada tunggal atau majmuk dalam kajian ini tidak berasaskan andaian bahawa keberkesanan ayat terjejas apabila ayat majmuk digunakan, kerana selagi ayat itu masih mendukung makna yang jelas dan binaannya tidak terlalu kompleks, iaitu berlapis-lapis sehingga kehilangan fokus, maka ayat majmuk itu masih diterima sebagai alat retorik yang berkesan dalam menyampaikan mesej atau maklumat. Dalam kaitannya dengan ciri ayat yang berkesan, selagi ayat majmuk yang digunakan masih memenuhi ciri ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran, maka ayat itu masih dapat diterima sebagai unsur retorik yang berkesan. Oleh itu, dalam analisis yang akan dilakukan pada sampel dari tahun ke tahun, akan dapat dilihat hubungan timbal balik antara ciri ayat yang berkesan (kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran) dengan binaan ayat (ayat tunggal atau ayat majmuk) yang digunakan. Kajian ini akan melihat manakah antara ayat tunggal dan ayat majmuk yang lebih dominan dalam penulisan kewartawanan akhbar yang dikaji.

Oleh sebab kajian ini bersifat terapan dan bukan kajian linguistik murni, maka analisis ayat tidak akan dibuat secara terperinci. Analisis hanya akan dibuat untuk menentukan binaan ayat yang dipilih daripada sampel, iaitu sama ada ayat itu ayat

majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan (relatif, komplemen, keterangan) atau ayat majmuk campuran. Analisis konstituen secara halus yang memperlihatkan hubungan setiap konstituen atau unsur dalam ayat tidak menjadi keutamaan.

Sekadar penerangan untuk dijadikan asas analisis, ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua ayat setara, lazimnya dengan menggunakan kata hubung seperti *dan*, *serta*, *lalu*, *sambil*, *tetapi*. Contohnya:

- (9) Kemerdekaan dicapai atas perjuangan nasionalis dan sokongan semua lapisan rakyat.

Ayat itu terdiri daripada dua ayat setara, iaitu:

- (9a) Kemerdekaan dicapai atas perjuangan nasionalis.
(9b) Kemerdekaan dicapai atas sokongan semua lapisan rakyat.

Kedua-dua ayat setara itu digabungkan dengan menggunakan kata hubung *dan* dengan menggugurkan unsur yang sama dalam ayat kedua, iaitu *Kemerdekaan dicapai*.

Ayat majmuk pancangan relatif pula ialah ayat yang terdiri atau terbentuk daripada satu ayat utama dan satu ayat kecil dengan menggunakan kata hubung relatif *yang*. Contohnya:

- (10) Perdana Menteri yang diiringi oleh Menteri Pertahanan melakukan lawatan ke Pusat Latihan Rekrut.

Ayat utama dalam ayat pancangan relatif itu ialah:

- (10a) Perdana Menteri melakukan lawatan ke Pusat Latihan Rekrut.

Ayat kecil yang dipancarkan ke ayat utama itu ialah:

- (10b) Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Pertahanan.

Ayat (10b) dipancarkan dengan menggugurkan subjek ayat kecil, iaitu *Perdana Menteri* dan digantikan dengan kata hubung relatif *yang*.

Ayat majmuk pancangan keterangan ialah ayat yang terdiri daripada ayat utama dan ayat kecil, dengan menggunakan kata hubung keterangan seperti *kerana*, *sehingga*, *agar*, *ketika*. Contohnya:

(11) Negara ini masih diperintah oleh Inggeris ketika Jepun menyerang.

Ayat utamanya ialah:

(11a) Negara ini masih diperintah oleh Inggeris.

Ayat kecilnya ialah:

(11b) Jepun menyerang.

Ayat kecil, iaitu ayat (11b) dipancarkan ke ayat utama dengan menggunakan kata hubung *ketika*.

Ayat majmuk komplemen ialah ayat yang terdiri daripada ayat utama dan ayat kecil, lazimnya menggunakan kata hubung komplemen *bahawa*. Contohnya:

(12) Kerajaan percaya bahawa perpaduan dapat dicapai melalui penyeimbangan ekonomi antara kaum.

Ayat utamanya ialah:

(12a) Kerajaan percaya.

Ayat kecilnya ialah:

(12b) Perpaduan dapat dicapai melalui penyeimbangan ekonomi antara kaum.

Ayat kecil itu dipancarkan ke ayat utama dengan menggunakan kata hubung komplemen *bahawa*.

Ayat majmuk campuran ialah ayat majmuk yang terdiri daripada paduan antara ayat majmuk, sama ada antara ayat majmuk gabungan dengan ayat pancangan atau antara sejenis ayat majmuk pancangan dengan jenis ayat pancangan yang lain, misalnya antara ayat pancangan keterangan dengan ayat pancangan komplemen. Contohnya:

- (13) Peristiwa hitam 13 Mei 1969 terjadi kerana sentimen perkauman menguasai parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya.

Ayat itu terdiri daripada ayat majmuk pancangan keterangan dan ayat majmuk pancangan relatif, iaitu:

- (13a) Peristiwa hitam 13 Mei terjadi kerana sentimen perkauman menguasai parti-parti politik. (ayat majmuk pancangan keterangan)
- (13b) Parti-parti politik bertanding dalam pilihanraya (ayat yang dipancarkan dengan menggunakan kata hubung relatif *yang* lalu menjadikannya ayat majmuk pancangan relatif, iaitu *parti-parti yang bertanding dalam pilihanraya*).

5.3 Dapatan dan Perbincangan

Kekerapan kelima-lima unsur itu, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan ayat, kenalaran, ayat tunggal dan ayat majmuk dihitung berdasarkan sampel yang terdiri daripada pendulu berita yang dipilih setiap bulan dari tahun 1957 hingga tahun 1999. Pembatasan analisis pada ayat dalam pendulu berita dilakukan kerana jumlah ayat untuk sampel berita muka hadapan akhbar selama 43 tahun atau 510 bulan terlalu banyak dan tidak mungkin dapat dianalisis satu persatu. Oleh itu, ayat dalam pendulu dipilih sebagai sampel analisis.

Semua ayat daripada pendulu berita utama akhbar *Berita Harian* setiap bulan dari tarikh sulung terbitnya pada Julai 1957 hingga Disember 1999 telah disenaraikan. Setiap ayat diberi label, iaitu sama ada mempunyai unsur tertentu daripada lima unsur yang telah dipilih untuk menjadi asas analisis. Untuk melihat taburan kewujudan setiap unsur pada ayat sampel, disediakan dua jenis jadual. Jadual yang pertama merakamkan taburan unsur-unsur ayat menurut tahun, iaitu dari tahun 1957 hingga tahun 1999 (lihat Jadual 5.1). Jadual kedua pula menunjukkan taburan unsur-unsur ayat menurut dekad, iaitu dekad 50-an, dekad 60-an, dekad 70-an, dekad 80-an dan dekad 90-an (lihat Jadual

5.2). Diharapkan analisis daripada jadual-jadual itu dapat memberikan gambaran tentang retorik penulisan kewartawanan akhbar dari sudut sintaksis, yang dikaji tahun demi tahun dan juga perbandingan menurut dekad.

5.3.1 Analisis Menurut Tahun Demi Tahun

Dengan berdasarkan penjelasan tentang ciri-ciri ayat yang berkesan dalam 5.2 di atas, analisis dibuat dan diringkaskan dalam Jadual 5.1 pada akhir bab ini.

Daripada sampel yang diteliti, semua ayat dalam pendulu berita tahun 1957 memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Hal ini bererti bahawa ayat-ayat contoh yang dianalisis merupakan ayat-ayat yang berkesan.

Satu ayat contoh yang menunjukkan ayat yang berkesan, yang memiliki ketiga-tiga ciri yang dijadikan asas analisis, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran, ialah:

- (14) Beribu2 raayat Malaya telah menyesakkan padang Kuala Lumpur pagi malam kerana menyaksikan Raja mereka memeriksa barisan tentera.
(3 September 1957)

Dari sudut kesatuan gagasan, ayat tersebut berfokus pada satu maklumat yang jelas dan tidak berpecah kepada beberapa hal. Dalam hal kepaduan, unsur-unsur binaan ayat seperti subjek-predikat, kata kerja transitif-objek dan yang lain dijalin dengan rapi. Demikian juga dari segi kenalaran, tidak ada kecacatan aspek logika dan kebermaknaannya.

Dengan berdasarkan penelitian terhadap ayat-ayat majmuk yang digunakan, ternyata bahawa ayat-ayat tersebut tidak terlalu kompleks dan masih dapat difahami

oleh pembaca biasa (khalayak umum akhbar). Ayat (14) di atas dari sudut binaannya merupakan ayat majmuk pancangan keterangan yang utuh binaannya dan jelas maknanya. Maklumat utama dijelaskan dalam ayat induknya, iaitu *Beribu2 raayat Malaya telah menyesakkan padang Kuala Lumpur pagi sa-malam*. Maklumat tambahannya pula dinyatakan dalam ayat keterangan yang dipancangkan kepada ayat induk itu, iaitu *kerana menyaksikan Raja mereka memeriksa barisan tentera*.

Seperti yang dinyatakan dalam analisis data di atas tadi, hanya ada satu ayat tunggal yang ditemukan dalam sampel, iaitu:

- (15) Perikatan UMNO-MCA-MIC akan di-daftarkan sebagai sa-buah party politik.
(14 Oktober 1957)

Ayat itu merupakan ayat pasif yang terdiri daripada satu subjek, iaitu *Perikatan UMNO-MCA-MIC* dan satu predikat, iaitu *akan didaftarkan sebagai sa-buah party politik*. Dari sudut ciri ayat yang berkesan, ayat itu ayat yang ada kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalarannya.

Sebagai rumusan, analisis yang dibuat ke atas sampel tahun 1957, iaitu dari bulan Julai hingga Disember adalah seperti yang berikut ini:

- i. 100% ayat yang dikaji (6 sampel) memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% ayat yang dikaji (6 sampel) memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% ayat yang dikaji (6 sampel) memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 1 ayat daripada sampel (16.7%) yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 5 ayat daripada sampel (83.3%) terdiri daripada ayat majmuk.

Tiga dapatan yang pertama itu menunjukkan bahawa ayat yang digunakan dalam pendulu berita akhbar yang dikaji sepanjang tahun 1957 memenuhi ciri ayat yang

berkesan. Dua dapatan terkemudian menunjukkan bahawa ayat majmuk lebih tinggi kekerapannya daripada ayat tunggal.

Dapatan analisis ayat sampel sepanjang tahun 1958 dalam akhbar yang dikaji menunjukkan pemenuhan ciri ayat yang berkesan pada sejumlah besar ayat, iaitu sebagaimana yang dirumuskan di hujung analisis sampel tahun 1958. Sangat tinggi kekerapan ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Contoh ayat yang berkesan daripada sampel ialah:

- (16) Pegawai2 Kastam pada pagi ini telah dapat memperdayakan penyeludup2 yang hendak melarikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai di-Sungai Kallang.
(13 Januari 1958)

Ciri kesatuan gagasan ayat itu dipenuhi dengan pemaparan satu maklumat yang jelas, iaitu tentang usaha pegawai kastam menahan penyeludup rokok. Ciri kepaduan pula dipenuhi dengan setiap unsur binaan ayat, terutama hubungan antara kata kerja transitif (kata *memperdayakan*) dengan objek (*penyeludup2 yang hendak melarikan hampir 1000 paun rokok...*) disusun dengan baik. Sementara itu, ciri kenalaran pun jelas kerana tiada unsur yang tidak logis dalam ayat itu.

Contoh ayat yang kurang berkesan dari sudut kesatuan gagasan dan kepaduan ayat, yang terdapat dalam sampel ialah:

- (17) Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, telah menerangkan ranchangan-nya mengenai suatu perjanjian baharu dengan Siam atas soal sempadan sa-bagai suatu usaha hendak memperchepatkan tamat-nya Dharurat.
(1 September 1958)

Ayat tersebut kurang berkesan kerana maklumat yang disampaikan berlapis-lapis dan kurang berfokus. Maklumat menjadi lebih berfokus dan ayat lebih padu jika diungkapkan seperti yang berikut:

- (18) Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman menerangkan rancangan untuk mengadakan perjanjian sempadan yang baharu dengan Siam bagi mempercepat tamatnya darurat.
(1 September 1958)

Dari segi pola, jelas bahawa penggunaan ayat majmuk amat tinggi kekerapannya, namun tidak terlalu kompleks dan masih jelas maknanya. Ayat (18) di atas tadi, misalnya, dari segi binaannya tergolong dalam ayat majmuk, iaitu ayat majmuk campuran, antara pancangan relatif yang ditandai oleh penggunaan kata hubung relatif *yang* dengan ayat pancangan keterangan. Ayat induknya ialah *Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman menerangkan rancangan*. Ada dua ayat pancangan keterangan, iaitu *untuk mengadakan perjanjian sempadan dengan Siam* dan *bagi mempercepat tamatnya darurat*. Ayat pancangan relatif pula ialah *yang baharu* (transformasi penggantian *perjanjian sempadan* kepada kata hubung relatif *yang*).

Contoh ayat majmuk yang lain ialah:

- (19) Satu perbahathan dari segi undang2 telah berlaku dalam mesyuarat jawatankuasa agong Persekutuan China Malaya (MCA) malam ini sa-telah di-umumkan keputusan undi atas perlembagaan-nya yang baharu.
(1 Disember 1958)

Ayat itu tergolong dalam ayat majmuk pancangan keterangan dan turut memenuhi ciri ayat yang berkesan. Ayat induknya ialah *Satu perbahathan dari segi undang2 telah berlaku dalam mesyuarat jawatankuasa agong Persekutuan China Malaya (MCA) malam ini*. Ayat keterangannya ialah jenis keterangan masa, iaitu *sa-telah di-umumkan keputusan undi atas perlembagaan-nya yang baharu*. Keberkesanan ayat dapat dilihat dari segi kesatuan gagasan (maklumat yang jelas dan berfokus, iaitu tentang perbahasan dalam mesyuarat jawatankuasa agong MCA), kepaduan ayat (binaan yang kemas strukturnya) dan nalar.

Contoh ayat tunggal daripada sampel pula ialah:

- (20) Ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan Kedah, Sir Badlishah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, telah mangkat di General Hospital Alor-Star sa-jurus lepas pukul 7.30 malam tadi. (14 Julai 1958)

Sebagai rumusan, sepanjang tahun 1958, penggunaan ayat dalam pendulu berita yang dijadikan sampel menghasilkan dapatan yang berikut:

- i. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9%) terdiri daripada ayat yang jelas kesatuan gagasannya.
- ii. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9%) terdiri daripada ayat yang memenuhi ciri kepaduan.
- iii. Semua 11 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 1 daripada 11 sampel (9.1%) yang merupakan ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9%) terdiri daripada ayat majmuk.

Bagi tahun 1959, analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa ayat-ayat sampel dalam akhbar yang dikaji memenuhi ciri ayat yang berkesan. Demikian juga, ayat majmuk sangat dominan digunakan. Contoh ayat yang berkesan dalam sampel ialah:

- (21) Parti Tindakan Ra'ayat (PETIR) berchadang hendak mengadakan perubahan² yang besar sa-kali dalam sistem pelajaran Singapura sa-andai-nya ia menang dalam pilihan raya bulan depan ini. (13 April 1959)

Ayat itu merupakan ayat yang berkesan kerana memiliki kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Dari segi binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk yang tergolong dalam ayat majmuk pancangan keterangan. Ayat induknya ialah *Parti Tindakan Ra'ayat (PETIR) berchadang hendak mengadakan perubahan² yang besar sa-kali dalam sistem pelajaran Singapura*. Ayat keterangan syaratnya ialah *sa-andai-nya ia menang dalam pilihan raya bulan depan ini*.

Kesimpulannya, pada tahun 1959, dapatan menunjukkan bahawa:

- i. 100% daripada 11 sampel merupakan ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Tiada ayat tunggal dalam sampel.
- v. 100% daripada 11 sampel ialah ayat majmuk.

Pada tahun 1960, ayat yang dianalisis masih menunjukkan dominannya ayat yang berkesan dan juga ayat majmuk. Contoh ayat yang berkesan kerana mempunyai ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1960 ialah:

- (22) Pemangku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, hari ini telah menyeru ra'ayat yang tidak memilekki tanah di-Perlis supaya berhijrah ka-Negeri2 untok membuka tanah2 baharu. (21 November 1960)

Ayat itu jelas berfokus pada satu gagasan, iaitu seruan Pemangku Perdana Menteri kepada rakyat yang tidak memiliki tanah supaya berhijrah ke negeri lain. Hubungan unsur-unsur dalam ayat, seperti subjek dan predikat, kata kerja transitif dan objek terjalin dengan padu. Kenalaran dan logika ayat juga jelas.

Dari sudut binaannya, ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan keterangan. Ayat induknya ialah *Pemangku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, hari ini telah menyeru ra'ayat yang tidak memilekki tanah di-Perlis*. Ayat keterangan harapannya ialah *supaya berhijrah ka-Negeri2 untok membuka tanah2 baharu*.

Ayat majmuk dalam sampel tahun ini masih merupakan ayat yang jelas tetapi ditemukan 2 sampel yang menunjukkan penggunaan ayat majmuk yang terlalu

kompleks yang sekali gus menyebabkan kehilangan ciri kesatuan gagasan dan kepaduan ayat. Contohnya:

- (23) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Yang di-Pertuan Agong dalam titah-nya mengishtiharkan Tammat-nya Dharurat hari ini telah menyatakan keshukuran-nya bahawa zaman 12 tahun “yang gelap gelita” yang lalu sekarang di-ganti dengan “zaman baharu, zaman bahagia yang belum pernah di-rasai oleh ra’ayat jelata beta di-masa yang lalu.” (1 Ogos 1960)
- (24) Persidangan perwakilan chawangan² yang maseh patoh kepada Jawatankuasa UMNO Negeri Singapura yang di-adakan di-Central Theatre hari telah meluluskan dua keputusan yang antara-nya membentok satu rombongan UMNO Negeri Singapura untuk menemui Yang di-Pertua Agong UMNO Malaya, Tengku Abdul Rahman, supaya UMNO Negeri dapat di-I’tiraf kembali oleh UMNO Malaya. (5 September 1960)

Jelas bahawa kedua-dua contoh itu memasukkan terlalu banyak maklumat dengan ayat majmuk campuran yang berlapis-lapis hingga kehilangan ciri kesatuan gagasan dan kepaduan ayat.

Contoh ayat tunggal dalam sampel pula ialah:

- (25) Konsep baharu Pergerakan Pemuda UMNO Malaya – dahulu “tulang ” perjuangan kemerdekaan – telah lahir hari ini. (3 Oktober 1960)

Subjeknya ialah *Konsep baharu Pergerakan Pemuda UMNO Malaya* dan predikatnya ialah *telah lahir hari ini* dan ayat ini tergolong dalam pola FN – FK (frasa nama – frasa kerja).

Dengan demikian, dapat disimpulkan dapatan analisis sampel ayat pada tahun 1960 seperti yang berikut:

- i. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. Sejumlah 8 daripada 12 sampel (66.7%) memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.

- iv. Hanya 2 daripada 12 sampel (16.7%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa pada keseluruhannya ciri ayat berkesan masih dipenuhi oleh sampel tahun 1960, tetapi berlaku penurunan sedikit pada kekerapan ciri kesatuan gagasan dan lebih jelas pada ciri kepaduan (lihat ayat 24 dan 25). Dominasi ayat majmuk masih lagi berlaku berbanding dengan ayat tunggal.

Analisis yang dilakukan terhadap sampel ayat tahun 1961 menunjukkan kekerapan yang masih tinggi dalam penggunaan ayat yang berkesan dan juga ayat majmuk. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1961 ialah:

- (26) *Pemimpin2 dan penyokong2 Perikatan hari ini menyambut berita kemenangan Perikatan di-dalam pilihan raya bandaran Kuala Trengganu dengan penoh gembira.*
(26 Jun 1961)

Kesatuan gagasan ayat itu terhasil dengan adanya satu maklumat yang berfokus, iaitu tentang sambutan pemimpin dan penyokong parti Perikatan memenangi pilihan raya. Kepaduan ayatnya juga jelas daripada hubungan antara subjek dengan predikat dan jalinan antara unsur-unsur lain, seperti antara kata kerja transitif dengan objek. Dari segi binaannya, ayat itu tergolong dalam ayat majmuk gabungan, iaitu gabungan antara subjek *pemimpin2 dan penyokong2 Perikatan*.

Contoh ayat majmuk yang lain daripada sampel:

- (27) *Kerajaan PAS Trengganu mungkin dapat bergerak sa-mula jika benar berita2 yang mengatakan dua orang anggota Parti di dalam Majlis Undangan Negeri itu telah menyatakan kesanggupan untuk menyebelah kapada Kerajaan PAS.*
(2 Oktober 1961)

Ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk pancangan keterangan dengan ayat majmuk pancangan komplemen dan ayat majmuk pancangan relatif. Ayat pancangan keterangannya ialah *jika benar berita*², sementara ayat pancangan relatif yang sekali gus mengandungi ayat komplemen ialah *yang mengatakan (bahawa) dua orang anggota Parti di dalam Majlis Undangan Negeri itu telah menyatakan kesanggupan untuk menyebelahi kepada Kerajaan PAS*. Ciri ayat berkesan, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran jelas pada ayat majmuk itu. Contoh ayat tunggal daripada sampel pula ialah:

- (28) Sa-buah bangunan baharu Kolej Islam Malaya akan di-bena di-Petaling Jaya tahun hadapan dengan menelan belanja berjumlah \$2 ½ juta.
(11 September 1961)

Kesimpulannya, sepanjang tahun 1961, dapatan yang berikut memberikan gambaran pola retorik akhbar yang dikaji dalam bidang sintaksis:

- i. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) terdiri daripada ayat yang jelas ciri kesatuan gagasannya.
- ii. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) terdiri daripada ayat yang memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 2 daripada 12 sampel (16.7%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan daripada analisis sampel tahun 1961 memperlihatkan penggunaan ayat yang berkesan dan ditandai oleh penggunaan ayat majmuk berbanding dengan ayat tunggal. Bagaimanapun berlaku juga penurunan sedikit bagi kekerapan ayat yang berciri kesatuan gagasan dan kepaduan ayat disebabkan fokus maklumat ayat kurang jelas dan binaannya menyalahi rumus sintaksis.

Analisis yang dilakukan terhadap sampel tahun 1962 menunjukkan bahawa semua sampel memenuhi ciri ayat yang berkesan dan terdiri daripada ayat majmuk. Contoh ayat daripada sampel yang memiliki kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ialah:

- (29) Inche Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama hari ini mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan-nya dari Kabinet kalau ia tetap juga di-pindahkan dari Kementerian-nya sekarang.
(30 Julai 1962)

Maklumatnya berfokus, binaan ayatnya padu dan fakta yang disampaikan nalar. Dari segi golongannya, ayat tersebut merupakan ayat majmuk, iaitu ayat majmuk campuran, antara ayat komplemen dengan ayat keterangan. Ayat komplemen ialah *bahawa beliau akan meletakkan jawatan-nya* dan ayat keterangannya pula ialah *kalau ia tetap juga di-pindahkan dari Kementerian-nya sekarang*.

Dapat dirumuskan bahawa dalam tahun 1962, diperoleh dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 8 sampel terdiri daripada ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 8 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 8 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Tiada ayat tunggal yang digunakan dalam sampel.
- v. 100% daripada 8 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa sepanjang tahun 1962, sampel yang dianalisis memenuhi ciri ayat yang berkesan dalam penulisan berita akhbar yang dikaji.

Dalam tahun 1963, sampel yang dianalisis menghasilkan dapatan yang menunjukkan tingginya kekerapan ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat

yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1963 ialah:

- (30) Sultan Brunai hari ini mengumumkan dengan resmi-nya bahawa Brunai akan masok Malaysia pada 31 August, dengan Singapura dan 3 wilayah lain di-Borneo. (25 Mac 1963)
- (31) Kabinet Kerajaan Persekutuan akan bersidang esok untuk membincangkan jawapan Kerajaan Singapura terhadap tawaran akhir Kerajaan Persekutuan mengenai perchantuman kedua2 wilayah itu (24 Jun 1963)

Kedua-dua ayat itu berfokus maklumatnya sehingga ciri kesatuan gagasan dapat dipenuhi. Begitu juga binaan ayatnya kemas dan memenuhi ciri kepaduan ayat dan kenalaran atau aspek logika maklumat terpelihara.

Bagaimanapun, terdapat satu sampel ayat majmuk yang kurang persis atau agak panjang lebar, iaitu:

- (32) Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman malam ini telah menguchap shukor kerana ra'ayat negeri ini seluruh-nya menikmati keadaan aman damai dan ma'amor serta dapat pula menjalankan amal ibadat mereka dengan chukop kemudahan sama ada mereka itu miskin atau kaya. (11 Februari 1963)

Ayat itu menjadi kurang persis atau padat kerana banyak unsur lewah yang digunakan, khususnya kata penerang seperti dalam frasa *ra'ayat negeri ini seluruh-nya, keadaan aman damai dan ma'amor, sama ada mereka itu miskin atau kaya*.

Rumusan yang dapat dibuat ialah:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 2 daripada 12 sampel (16.7%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan tiga yang pertama itu menunjukkan bahawa sampel tahun berkenaan memenuhi ciri ayat yang berkesan, sementara dua yang akhir itu menunjukkan bahawa ayat majmuk lebih dominan daripada ayat tunggal dalam penghasilan retorik kewartawanan akhbar tersebut, tetapi ayat majmuk yang digunakan itu tidak melanggar prinsip kejelasan dan ketepatan makna.

Tahun 1964 turut memperlihatkan tingginya kekerapan ayat yang berkesan dan penggunaan ayat majmuk. Contoh ayat yang berkesan yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1964 ialah:

- (33) Gerakan² bersama Malaysia-Thai akan di-perhebat lagi untok memburu dan menghapuskan saki baki pengganas² komunis yang maseh merayau² di-daerah sempadan Malaya-Thailand. (5 Oktober 1964)

Ayat majmuk yang digunakan dalam sampel yang dianalisis masih dalam lingkungan ayat yang tepat dan jelas maknanya. Ayat (33) di atas merupakan contoh ayat majmuk yang jelas mesejnya. Contoh lain ialah:

- (34) Segala halangan terhadap sidang kemuchak di-Tokyo nampak-nya telah dapat di-atasi hari ini dan jalan ka-kemunchak itu pun nampak-nya telah terbuka. (8 Jun 1964)

Ayat itu tergolong sebagai ayat majmuk gabungan yang sekali gus memenuhi ciri ayat yang berkesan juga, iaitu ada kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalarannya.

Dengan demikian, dalam tahun 1964, dapatan analisis menghasilkan pola yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.

- iv. Hanya 1 daripada 12 sampel (8.3%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) terdiri daripada ayat majmuk.

Tiga dapatan yang awal itu menunjukkan bahawa ciri ayat yang berkesan sebagai asas penulisan retorik kewartawanan yang berkesan dipenuhi. Selanjutnya, penggunaan ayat majmuk ternyata tetap dominan berbanding dengan penggunaan ayat tunggal.

Pola penggunaan ayat dalam tahun 1965 masih meneruskan pola umum tahun-tahun sebelumnya, iaitu penggunaan ayat yang berkesan dan juga dominannya penggunaan ayat majmuk berbanding dengan penggunaan ayat tunggal.

Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1965 ialah:

- (35) Kerajaan Pusat akan membentok pasokan pejuang² sukarela yang chukup terlatch di-tiap² kampung di-sepanjang pantai untok menghadapi pendaratan gurila² Indonesia selanjut-nya. (11 Januari 1965)

Dari sudut binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk pancangan relatif dan ayat majmuk pancangan komplemen. Walaupun ayat itu merupakan ayat majmuk campuran, iaitu yang daripada sudut sintaksis ialah ayat majmuk yang paling kompleks, namun ayat itu tidak menjejaskan retorik kewartawanan akhbar yang dikaji oleh sebab adanya ciri ayat yang berkesan pada ayat itu, iaitu adanya kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Contoh ayat majmuk lain yang sekali gus memenuhi ciri ayat yang berkesan ialah:

- (36) Kerajaan Pusat besok akan di-desak supaya mengadakan hubungan diplomatik sa-luas2-nya dengan negara2 lain tanpa memperhitungkan latar belakang ideologi negara2 tersebut.
(9 Ogos 1965)

Contoh ayat tunggal daripada sampel pula ialah:

- (37) Tujuh orang lagi penyusup Indonesia telah dapat di-bunuh oleh Pasokan Keselamatan Malaysia dalam satu serangan hendap di-daerah Kota Tinggi malam tadi.
(5 April 1965)

Ayat tunggal itu merupakan ayat pasif diri ketiga diri ketiga yang disertai frasa keterangan, iaitu *dalam satu serangan hendap* dan *di-daerah Kota Tinggi malam tadi*.

Kesimpulannya, tahun 1965 memperlihatkan dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel ditandai oleh ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel ditandai oleh ciri kepaduan.
- iii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang nalar.
- iv. Hanya 2 daripada 12 sampel (16.7%) yang merupakan ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) ialah ayat majmuk.

Selanjutnya, tahun 1966 pun memperlihatkan kekerapan yang tinggi dalam hal ayat berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1966 ialah:

- (38) Semua hubungan pos dan talikom dengan Indonesia yang telah terhenti sejak konfrontasi akan puleh seluroh-nya mulai hari Thalatha ini.
(19 Disember 1966)

Dari sudut binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk pancangan relatif.

Contoh ayat majmuk yang lain ialah:

- (39) Polis “Field Force” telah merampas senapang2 dan peluru2 musuh dan menangkap 13 orang China Sarawak termasuk beberapa orang yang telah mendapat lathen penganas di-Kalimantan Indonesia.

(28 Februari 1966)

Ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan relatif. Ayat majmuk itu merupakan ayat yang memenuhi ciri ayat yang berkesan juga, iaitu mempunyai kesatuan gagasan, padu dan nalar.

Contoh ayat tunggal daripada sampel tahun 1966 pula ialah:

- (40) Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, hari ini mengalu2kan risik persahabatan dari Pakistan.

(13 Jun 1966)

Ayat itu berpola FN – FK dan merupakan ayat yang jelas kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalarannya, dan dengan itu merupakan ayat yang berkesan.

Jelas bahawa sepanjang tahun 1966, dapat dilihat pola dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 10 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 10 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 10 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 2 daripada 10 sampel (20%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 8 daripada 10 sampel (80%) terdiri daripada ayat majmuk.

Dapat diperhatikan pola yang sama, iaitu penggunaan ayat yang memenuhi ciri ayat yang berkesan dan penggunaan ayat majmuk yang tinggi kekerapannya berbanding dengan ayat tunggal.

Analisis sampel ayat tahun 1967 melanjutkan pola yang sama, iaitu tingginya kekerapan ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran daripada sampel tahun 1967 ialah:

- (41) Banyak negara telah menyuarakan simpati terhadap Malaysia dan telah menghulorkan bantuan wang dan matabenda dalam masa Malaysia menghadapi malapetaka banjir sekarang.
(16 Januari 1967)

Dari sudut binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk gabungan. Contoh ayat majmuk yang lain daripada sampel ialah:

- (42) MCA hari ini menggesa Kerajaan supaya mengadakan sidang semua negara pengeluar getah bagi mengemukakan langkah2 yang seimbang untok menetapkan dan memajukan perolehan eksport-nya.
(8 Mei 1967)

Ayat tersebut tergolong sebagai ayat majmuk pancangan keterangan dan memenuhi ciri ayat yang berkesan kerana mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Kesatuan gagasan terhasil daripada maklumat yang berfokus. Kepaduan terbina kerana ayat terbentuk berdasarkan rumus sintaksis dan kenalaran tercapai disebabkan tiada percanggahan maklumat.

Contoh ayat tunggal dalam sampel tahun 1967 ialah:

- (43) Tengku Abdul Rahman akan mengambil chuti sa-lama enam bulan - kali pertama chuti panjang bagi-nya semenjak 13 tahun.
(27 Februari 1967)

Ayat itu berpola FN – FK dan memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Untuk tahun 1967, rumusan dapatan yang berikut diperolehi:

- i. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9) terdiri daripada ayat yang mewakili ciri kepaduan.

- iii. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Hanya 1 daripada 11 sampel (9.1%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9%) terdiri daripada ayat majmuk.

Jelas bahawa ayat-ayat sampel dalam pendulu berita tahun 1967 akhbar yang dikaji masih memenuhi ciri ayat yang berkesan dan ayat majmuk masih dominan dalam penulisan wacana beritanya.

Sampel ayat yang dianalisis pada tahun 1968 memperlihatkan penggunaan ayat yang berkesan dan dominannya ayat majmuk. Penemuan itu ternyata sama seperti pola penemuan yang dapat dilihat pada tahun-tahun sebelumnya. Contoh ayat daripada sampel:

- (44) Persidangan mengenai pertahanan dan keselamatan di-kawasan ini akan bermula di-Bilek Perjanjian Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri di-sini esok.
(10 Jun 1968)

Ayat itu merupakan ayat majmuk gabungan. Contoh ayat majmuk yang lain ialah:

- (45) Kongres Ekonomi Bumiputra Kedua yang berakhir esok di-jangka akan menerima antara lain ketiga2 usul yang di-kemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam amanat-nya di-pembukaan kongres itu semalam.
(9 September 1968)

Ayat majmuk itu tergolong dalam ayat majmuk pancangan relatif itu dan memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Contoh ayat tunggal yang terdapat dalam sampel pula ialah:

- (46) Pasokan2 keselamatan Malaysia dan Thai telah menawan sa-buah khemah pengganas2 komunis di-kawasan Betong, Thailand petang semalam.
(19 Ogos 1968)

Ayat itu memenuhi ciri ayat yang berkesan dalam ketiga-tiga hal, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Dapat diperhatikan bahawa sampel tahun 1968 yang dianalisis menghasilkan dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 9 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 9 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 9 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 2 daripada 9 sampel (22.2%) merupakan ayat tunggal.
- v. Sejumlah 7 daripada 9 sampel (77.8%) merupakan ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa ayat pendulu berita akhbar yang dikaji memenuhi ciri ayat yang berkesan dan penggunaan ayat majmuk tetap dominan.

Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1969 ialah:

- (47) Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin malam ini mendedahkan rancangan anasir2 Komunis untuk menimbulkan huru hara apabila wang lama Malaya tidak laku lagi dan tidak sah mulai 16 Januari lalu. (27 Januari 1969)

Dari sudut binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk pancangan komplemen dengan ayat majmuk pancangan keterangan.

Contoh ayat majmuk yang lain dalam sampel ialah:

- (48) Tengku Abdul Rahman berkata bahawa Malaysia “tidak menutup pintu” kepada mana2 negara juga yang ingin berbaik2 dengan-nya malah China Komunis sekali pun. (3 Mac 1969)

Ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan komplemen dan binaannya kemas, tidak berlapis-lapis atau berjela-jela serta jelas maknanya.

Dengan demikian, pada tahun 1969, diperoleh dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang jelas kepaduannya.
- iii. 100% daripada 12 sampel mempunyai kenalaran yang tinggi.
- iv. Tiada penggunaan ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Dapat disimpulkan bahawa ayat dalam pendulu berita akhbar yang dikaji bagi sampel tahun 1969 memenuhi ciri ayat yang berkesan. Ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran terdapat pada ayat-ayat sampel. Demikian juga, penggunaan ayat majmuk begitu dominan tetapi tidak menimbulkan masalah makna yang kabur atau binaan ayat yang mengelirukan oleh sebab adanya ciri ayat yang berkesan pada ayat majmuk itu.

Jelas juga bahawa daripada sudut ayat yang berkesan, sampel tahun 1970 menunjukkan pemenuhan ciri ayat berkesan yang cukup jelas, baik dari sudut kesatuan gagasan, kepaduan mahupun kenalaran. Ayat majmuk tetap ketara dominannya berbanding dengan ayat tunggal.

Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1970 ialah:

- (49) Kerajaan tidak akan teragak2 untuk mengambil tindakan keras ka-atas orang2 yang menyebarkan khabar2 angin konon-nya pergaduhan kaum akan berlaku pada 13 Mei depan ini. (27 April 1970)

Ayat itu ialah ayat majmuk pancangan komplemen. Contoh ayat majmuk lain yang digunakan dalam sampel ialah:

- (50) Negara2 Islam malam ini di-seru supaya mengadakan rundingan bersama dari masa ke-masa untuk menchapai perpaduan yang lebeh kukoh dan memberi sumbangan ka-pada keamanan dunia.
(8 Jun 1970)

Ayat majmuk itu termasuk dalam kategori ayat majmuk pancangan keterangan dan ciri-ciri ayat yang berkesan, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dipenuhi.

Contoh ayat tunggal dalam sampel pula ialah:

- (51) Sejak sa-tahun sudah Parti Buroh Malaya menutup chawangan2-nya di-seluruh Malaysia Barat.
(26 Januari 1970)

Ayat itu berpola FN – FK dan memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu dari sudut kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ayat.

Dengan lebih jelas lagi, bagi tahun 1970, diperoleh dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 9 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 9 sampel terdiri daripada ayat yang jelas kepaduannya.
- iii. 100% daripada 9 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Hanya 1 daripada 9 sampel (11.1%) merupakan ayat tunggal.
- v. Sejumlah 8 daripada 9 sampel (88.9%) merupakan ayat majmuk.

Analisis sampel ayat pendulu berita akhbar *Berita Harian* tahun 1971 menghasilkan dapatan yang menunjukkan ayat yang berkesan dan penggunaan ayat majmuk.

Sama polanya dengan beberapa banyak tahun sebelumnya, dapatan tahun 1971 memperlihatkan kekuatan sampel sebagai ayat yang berkesan dan dominannya penggunaan ayat majmuk berbanding dengan ayat tunggal.

Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ialah:

- (52) Dasar Baru Ekonomi Malaysia dan sikap luar negeri-nya untuk berbaik dengan semua negara supaya Asia Tenggara menjadi sa-buah kawasan berkechuali mendapat perhatian besar dari dua negarawan Eropah.

(26 April 1971)

Ayat itu berfokus pada satu maklumat sehingga jelas ciri kesatuan gagasannya. Demikian juga kepaduannya dari segi hubungan antara unsur-unsur pembentuk ayat teratur dengan baik. Penalaran dan logikanya pun jelas. Dari segi binaan, ayat majmuk itu meskipun terbina sebagai ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat gabungan dan ayat pancangan keterangan, masih utuh binaannya dan tidak menimbulkan kekaburan makna oleh sebab memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Rumusannya, tahun 1971 menghasilkan dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri ayat yang ada kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kenalaran ayat.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 11 sampel merupakan ayat majmuk.

Analisis sampel tahun 1972 menghasilkan dapatan yang juga menunjukkan dominannya ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri

kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dan sekali gus merupakan ayat majmuk dalam sampel tahun 1972 ialah:

- (53) Perikatan telah bersetuju pada dasar-nya untuk menubuhkan sa-buah Kerajaan Champoran dengan Gerakan Pulau Pinang, demikian di-umumkan di-sini oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.
(14 Februari 1972)
- (54) Pemimpin2 perkapalan Malaysia dan Singapura bertolak ka-London hari ini untuk merancang perjuangan besar yang kedua untuk mendapatkan hak membawa barang2 dengan FEFC (Far Eastern Freight Conference) atau Persatuan Perkapalan Timor Jauh.
(17 Januari 1972)

Kedua-dua ayat itu memiliki kesatuan gagasan dengan maklumatnya berfokus pada satu perkara sahaja, mempunyai kepaduan dengan susunan ayatnya memenuhi binaan sintaksis bahasa Melayu baku dan mempunyai kenalaran atau logika tanpa percanggahan fakta. Dari sudut binaannya sebagai ayat majmuk pula, ayat (53) merupakan ayat majmuk pancangan keterangan tujuan, sementara ayat (54) merupakan ayat majmuk campuran antara ayat gabungan dengan ayat pancangan keterangan.

Sebagai kesimpulan, yang berikut ialah dapatan yang diperoleh bagi tahun 1972:

- i. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang nalar.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa sampel tahun 1972 melanjutkan pola dapatan tahun-tahun sebelumnya, iaitu amat tinggi kekerapan ayat yang berkesan dan penggunaan ayat majmuk.

Dapatan analisis sampel tahun 1973 turut menunjukkan bahawa sampel tahun berkenaan memenuhi ciri ayat yang berkesan dan ayat majmuk digunakan dengan meluas. Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1973 ialah:

- (55) Naib Canselor Universiti Malaya, Professor Ungku Aziz hari ini menjelaskan beberapa perkara pokok secara mendalam mengenai penubuhan Tabung Siswa dan Organisasi Kemasukan (OK) ke Universiti.
(21 Mei 1973)

Kesatuan gagasan terhasil kerana ayat itu berfokus pada satu maklumat. Kepaduan ayat dipenuhi dengan susunan unsur-unsur pembentuk ayat menurut rumus sintaksis dan kenalarannya jelas tanpa pertentangan sebarang proposisi atau idea. Binaan ayat itu merupakan ayat tunggal yang berpola Frasa Nama + Frasa Kerja. Contoh ayat tunggal yang lain daripada sampel yang sekali gus memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ialah:

- (56) Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha hari ini mengumumkan sumbangan sebanyak \$120,000 untuk perkembangan sastera.
(17 September 1973)

Contoh ayat majmuk daripada sampel pula ialah:

- (57) Taraf pengajaran, kemudahan dan kelengkapan “yang jauh berbeza” antara sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan menengah Inggeris perlu diselaraskan, tegas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris.
(23 April 1973)

Ayat itu ialah ayat majmuk campuran antara ayat gabungan dan ayat pancangan relatif, tetapi binaannya masih sederhana dan makna yang terkandung di dalamnya jelas kerana ciri ayat berkesan dipenuhi oleh ayat itu. Kesatuan gagasannya jelas, iaitu berfokus pada satu maklumat sahaja, kepaduan ayat sempurna kerana disusun berdasarkan rumus sintaksis bahasa Melayu baku dan kenalarannya pun sempurna kerana tiada percanggahan maklumat.

Rumusan dapatan pada tahun 1973 adalah seperti yang berikut:

- i. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 11 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Hanya 1 daripada 11 sampel (9.1%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 11 sampel (90.9%) terdiri daripada ayat majmuk.

Bagi tahun 1974, dapatan analisis ayat dalam pendulu berita akhbar *Berita Harian* menunjukkan kelanjutan ciri keberkesanan ayat dan meluasnya ayat majmuk. Semua sampel yang dianalisis memenuhi ciri ayat yang berkesan dan semua sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1974 ialah:

- (58) Seluruh negeri Pahang mulai berkabung hari ini kerana kemangkatan Sultan Sir Abu Bakar Riayatuddin Almuazam Shah Ibni Almarhum Sultan Abdullah pada jam 12.45 pagi tadi setelah memerintah selamat 42 tahun.
(6 Mei 1974)

Kesatuan gagasannya jelas kerana berfokus pada satu maklumat, kepaduannya sempurna kerana memenuhi rumus sintaksis bahasa Melayu dan kenalarannya ketara dengan tiadanya maklumat yang bertentangan. Dari segi binaannya pula, ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan keterangan.

Contoh ayat majmuk lain yang terdapat dalam sampel ialah:

- (59) Pemangku Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Ahmad Ibrahim mengumumkan bahawa seluruh pentadbiran universiti akan berjalan seperti biasa mulai esok.
(23 September 1974)

Ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan komplemen yang memenuhi ciri ayat yang berkesan juga, iaitu berkesatuan gagasan, mempunyai kepaduan dan kenalaran.

Dapat disimpulkan bahawa pada tahun 1974:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Seperti pada tahun 1974, analisis sampel ayat pada tahun 1975 memperlihatkan dapatan yang sama, iaitu semua sampel terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1975 ialah:

- (60) Mukhtar Pertubuhan-Pertubuhan Perempuan Islam mengusulkan pembentukan Suruhanjaya Halahwal Agama Islam Malaysia bagi mengkaji cara-cara pelaksanaan undang-undang Islam. (10 Mac 1975)

Berfokusnya ayat pada satu maklumat yang jelas menjadikan ayat itu berkesatuan gagasan. Binaannya yang mematuhi rumus sintaksis bahasa Melayu pula menjadikan ayat itu memenuhi ciri kepaduan dan tiadanya maklumat yang bertentangan menjadikannya nalar dan logis. Binaan ayat itu ialah ayat majmuk pancangan keterangan tujuan.

Contoh ayat majmuk lain yang terdapat dalam sampel ialah:

- (61) Seratus empatpuluh orang wanita menempa sejarah hari ini sebagai rombongan wanita pertama memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris selepas 53 tahun ia dikhaskan untuk lelaki. (21 Januari 1975)

Ayat tersebut ialah ayat majmuk pancangan keterangan yang binaannya sederhana, tidak kompleks dan maknanya jelas serta memenuhi ciri ayat berkesan, iaitu ada kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Sebagai ringkasan, tahun 1975 memperlihatkan dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran ayat.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa semua sampel ayat dalam pendulu berita akhbar yang dikaji memenuhi ciri ayat yang berkesan. Begitu juga, ayat majmuk menjadi ciri penting retorik penulisan kewartawanan akhbar berkenaan.

Tahun 1976 masih tetap memperlihatkan dapatan yang menunjukkan meluasnya penggunaan ayat yang berkesan dan ayat majmuk walaupun tidak mencapai 100%.

Contoh ayat yang berkesan dan sekali gus ayat majmuk yang terdapat dalam sampel tahun 1976 ialah:

- (62) *Institut Teknologi MARA di Shah Alam mungkin dibuka semula minggu depan untuk beberapa kursus tertentu sahaja, demikian diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.* (19 Januari 1976)

Ciri kesatuan gagasan ayat itu dipenuhi kerana maklumatnya berfokus, sementara kepaduannya terhasil disebabkan ayat itu terhasil menurut rumus sintaksis dan kenalaran pula tercapai disebabkan tiadanya maklumat yang bertentangan dalam ayat.

Walau bagaimanapun, dapatan daripada analisis sampel tahun 1976 menunjukkan bahawa terdapat sampel yang tidak memenuhi ciri kesatuan gagasan. Ayat tersebut ialah:

- (63) Bekas pegawai-pegawai kanan dalam Jabatan Ketua Menteri dan kepala-kepala perbadanan berkanun ialah diantara mereka yang telah kehilangan jawatan mereka akibat langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan baru yang dikuasai oleh Berjaya untuk membersihkan jawatan-jawatan yang dulunya diadakan oleh kerajaan yang dikuasai oleh Usno. (3 Mei 1976)

Ayat tersebut kehilangan kesatuan gagasan kerana kurang berfokus pada tema atau isu pokok yang hendak dikemukakan, sebaliknya memperlihatkan agak banyak butiran yang cuba dimasukkan. Ayat seumpama itu menyebabkan ciri ayat yang berkesan terjejas dan selanjutnya menjejaskan kekuatan retorik penulisan kewartawanan juga.

Kesimpulan penggunaan ayat dalam tahun 1976 ialah:

- i. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran ayat.
- iv. Hanya 1 daripada 12 sampel (8.3%) yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) terdiri daripada ayat majmuk.

Selanjutnya, tahun 1977 memperlihatkan pencapaian 100% dalam penggunaan ayat yang berkesan walaupun tidak sepenuhnya pula dalam hal ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1977 ialah:

- (64) Sebuah unit bagi mengendalikan dan memudahkan perbadanan-perbadanan antarabangsa membuka Ibu-pejabat serantau mereka di Malaysia akan ditubuhkan tidak lama lagi, kata Datuk Hussein Onn. (19 September 1977)

Keseluruhannya ayat itu merupakan ayat yang berkesan kerana mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran, tetapi dapat dibaiki daripada sudut kepaduan dengan menambahkan akhiran *kan* pada kata kerja transitif *mengendali*.

Contoh ayat majmuk daripada sampel pula ialah:

- (65) Pakar-pakar penerbangan yang bertugas di tempat nahas kapalterbang Mas di Tanjung Kupang untuk mencari bukti kemalangan, telah menjumpai kotak pencatat data penerbangan – bukan kotak hitam – petang semalam.
(12 Disember 1977)

Ayat tersebut ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat pancangan relatif dan ayat gabungan. Binaannya masih sederhana dan maknanya pun jelas kerana memenuhi ayat yang berkesan.

Dapatan yang berikut menyimpulkan pola penggunaan ayat akhbar yang dikaji dalam tahun 1977:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Hanya 1 daripada 12 sampel (8.3%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 11 daripada 12 sampel (91.7%) terdiri daripada ayat majmuk

Analisis data tahun 1978 menghasilkan dapatan yang menunjukkan semua sampel terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dan sekali gus ayat majmuk dalam sampel tahun 1978 ialah:

- (66) Antara 70,000 hingga 100,000 orang penduduk Malaysia dipercayai menjadi penagih dadah, berdasarkan formula iaitu 5 orang penagih tidak dikesan bagi setiap seorang penagih yang ditangkap.
(8 Oktober 1978)

- (67) Nelayan-nelayan di Marang, 23 batu dari sini, kini tidak dapat keluar ke laut kerana rangka-rangka bot pendatang haram Vietnam yang karam di situ, kini menutup muara Sungai Marang. (25 Disember 1978)

Kedua-dua ayat itu memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Ayat berfokus pada satu maklumat yang jelas, terbentuk menurut rumus sintaksis dan tiada pertentangan maklumat di dalamnya. Dari segi binaannya, kedua-dua ayat itu ialah ayat majmuk pancangan keterangan.

Rumusannya adalah seperti yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Tahun 1979 memperlihatkan persamaan dengan dapatan tahun 1978, iaitu semua sampel terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1979 ialah:

- (68) Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah akan meminda undang-undang untuk mengelak berlakunya pemilikan tanah pertanian secara beramai-ramai. (2 Julai 1979)

Kesatuan gagasan ayat dipenuhi dengan maklumatnya berfokus pada satu perkara. Kepaduan ayat terhasil dengan susunan yang gramatis, tetapi dapat ditingkatkan dengan menambahkan akhiran *kan* pada kata kerja transitif *mengelak*. Kenalarannya ketara kerana tiada maklumat yang bercanggah.

Seperti kebanyakan sampel tahun-tahun lalu, ayat majmuk yang digunakan masih sederhana, iaitu tidak terlalu kompleks dan maknanya pun jelas. Ayat (68) di atas sekali gus merupakan contoh ayat majmuk dalam sampel. Contoh lain ialah:

- (69) Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam berkata, kementeriannya sedang mencari jalan mengikut undang-undang untuk menyingkirkan guru-guru yang terang-terang menentang Dasar Pelajaran Kebangsaan.
(4 Jun 1979)

Ayat tersebut ialah ayat majmuk campuran antara ayat pancangan komplemen dan ayat pancangan relatif.

Huraian di atas dapat disimpulkan dengan kenyataan bahawa pada tahun 1979:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran ayat.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Tahun 1980 memperlihatkan pola dapatan yang sama juga, iaitu semua sampel yang dianalisis ialah ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1980 ialah:

- (70) Kerajaan dijangka melancarkan Operasi Isi Penuh peringkat kedua tidak lama lagi untuk mengisi beribu-ribu jawatan kosong di jabatan kerajaan dan badan berkanun.
(3 Mac 1980)

Kesatuan gagasan terhasil dengan maklumat ayat berfokus pada satu perkara, sementara kepaduan terbentuk dengan penyusunan ayat berdasarkan rumus sintaksis bahasa Melayu dan kenalarannya pula jelas tanpa sebarang percanggahan fakta.

Semua ayat majmuk yang digunakan pula masih dalam lingkungan ayat yang sederhana binaannya dengan makna yang jelas, sebagaimana yang terlihat pada contoh (70) di atas. Ayat itu ialah ayat majmuk pancangan keterangan tujuan. Contoh lain ialah:

- (71) Datuk Hussein Onn petang ini memberi amaran keras kepada golongan yang menjadikan Dasar Ekonomi Baru sebagai permainan politik kerana kegiatan itu sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan huru-hara dan kekacauan.
(2 Jun 1980)

Ayat itu ialah ayat majmuk campuran antara ayat majmuk pancangan keterangan dan ayat majmuk pancangan relatif.

Kesimpulannya, penggunaan ayat pada tahun 1980 ialah:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Tahun 1981 menunjukkan pola dapatan yang sama, iaitu semua sampel yang dikaji terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1981 ialah:

- (72) Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengarahkan langkah segera diambil bagi mengkaji semula peranan, strategi dan cara-cara bantuan yang diberikan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).
(7 September 1981)

Semua ayat majmuk dalam sampel yang dikaji tidak terlalu kompleks dan mendukung makna yang jelas, kerana memenuhi ketiga-tiga ciri ayat yang berkesan. Ayat (72) di atas, misalnya, ialah ayat majmuk yang utuh binaannya dan jelas maknanya. Ayat itu

terbina daripada ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk pancangan komplemen dengan ayat gabungan.

Contoh lain ialah:

- (73) Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah akan menyiasat aduan berhubung pembelian jentera-jentera berat oleh Risda bernilai berjuta ringgit yang kini tersadai di Pejabat-pejabat Wilayah Risda di Semenanjung.
(9 November 1981)

Ayat di atas merupakan ayat majmuk campuran antara ayat gabungan dengan ayat pancangan relatif. Ciri keberkesanan ayat, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dipenuhi kerana ayat berfokus pada satu maklumat, terbina berdasarkan rumus sintaksis dan tiada maklumat yang bertentangan.

Rumusannya adalah seperti yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kepaduan ayat.
- iii. 100% daripada 12 sampel memenuhi ciri kenalaran.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Sampel tahun 1982 yang dianalisis pun memperlihatkan pola dapatan yang sama dalam hal penggunaan ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu yang mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dalam sampel tahun 1982 ialah:

- (74) Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, serta dua orang penumpang yang belum dikenali kemalangan apabila pesawat Cessna 206 yang dipandunya terhempas.
(11 Januari 1982)

Fokus ayat jelas, binaannya mematuhi rumus sintaksis bahasa Melayu dan tiada pertentangan maklumat di dalamnya. Maka ayat itu merupakan ayat yang berkesan. Dari segi binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan keterangan. Contoh ayat majmuk yang lain dalam sampel tahun 1982 ialah:

- (75) Presiden Pakistan Zia-Ul-Haq dalam ucapannya di majlis santapan diraja malam tadi menyeru Russia dan Vietnam mengundurkan segera tentera mereka dari Afghanistan dan Kampuchea. (8 November 1982)

Ayat tersebut tergolong sebagai ayat majmuk campuran antara ayat majmuk pancangan keterangan dengan ayat majmuk gabungan, dan masih tetap jelas maknanya kerana adanya ciri ayat yang berkesan dari segi kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan bahawa semua sampel yang dianalisis pada tahun 1982 memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dan hal ini membantu kekuatan retorik penulisan berita akhbar yang dikaji. Daripada segi ayat, ayat majmuk masih tetap dominan dan ayat itu tidak terjejas keutuhannya kerana mendukung kejelasan maklumat.

Tahun 1983 masih memperlihatkan pola dapatan yang sama, iaitu semua sampel yang dikaji merupakan ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang berkesan yang terdapat dalam sampel tahun 1983 ialah:

- (76) Kementerian Pelajaran akan menempatkan guru-guru agama dan akademik dalam semua sekolah menengah agama yang terletak di bawah kerajaan negeri di seluruh negara, mulai tahun ini.
(18 April 1983)

Kesatuan gagasannya jelas dengan berfokus pada maklumat tentang usaha Kementerian Pelajaran akan menempatkan guru agama dan akademik di semua sekolah menengah agama kerajaan negeri. Kepaduan ayat terhasil dengan penyusunan ayat yang berasaskan rumus sintaksis bahasa Melayu dan kenalarannya sempurna kerana tiada percanggahan maklumat di dalam ayat. Dari segi binaannya, ayat itu ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan relatif.

Contoh ayat majmuk lain dalam sampel ialah:

- (77) Bank Islam Malaysia Bhd. merancang untuk membuka 15 cawangan di seluruh negara dalam masa tiga tahun, kata Pengarah Urusannya, Dr. Abdul Halim Ali.
(6 Jun 1983)

Ayat itu ialah ayat majmuk pancangan keterangan yang utuh binaannya dan maknanya pun tidak kabur disebabkan memenuhi ciri ayat yang berkesan.

Huraian pola penggunaan ayat dalam tahun 1983 itu dapat disimpulkan dalam bentuk kenyataan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.

- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Dapatan itu menyimpulkan bahawa sampel tahun 1983 yang dianalisis memenuhi ciri ayat yang berkesan dan ayat majmuk yang masih kekal dominan.

Dapatan analisis sampel tahun 1984 menunjukkan bahawa semua sampel yang dianalisis terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang berkesan ialah:

- (78) Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin hari ini menafikan dakwaan adanya percubaan untuk 'menyembunyikan' keadaan sebenar dalam Bumiputra Malaysia Finance (BMF) dan Bank Bumiputra selepas kejatuhan empayar Carrian di Hong Kong. (27 Ogos 1984)

Keberkesanan ayat terhasil kerana dari segi kesatuan gagasan, ayat berfokus pada satu maklumat yang jelas; dari segi kepaduannya ayat terhasil daripada penerapan rumus sintaksis yang betul dan dari segi kenalaran tiada pertentangan maklumat di dalam ayat. Ayat itu sekali gus menjadi contoh ayat majmuk yang cukup dominan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat melalui berita. Ayat itu ialah ayat majmuk gabungan.

Kesimpulannya, penggunaan ayat akhbar yang dikaji pada tahun 1984 tergambar pada kenyataan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Tahun 1985 memperlihatkan perbezaan sedikit sesudah tujuh tahun berturut-turut sampel yang dikaji menunjukkan keutuhan ayat yang digunakan. Perbezaan itu walau bagaimanapun hanya melibatkan penggunaan ayat tunggal dan ayat majmuk, iaitu bertambah sedikit penggunaan ayat tunggal. Dalam hal ayat yang berkesan, sampel masih memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran sepenuhnya.

Contoh ayat yang memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ayat dalam sampel tahun 1985 ialah:

- (79) Suruhanjaya Pilihanraya bersedia mengkaji kemungkinan menerima pencalonan secara automatik bagi calon-calon yang akan bertanding dalam pilihanraya.
(8 Julai 1985)

Ayat itu terdiri daripada satu subjek dan satu predikat utama yang jelas kesatuan gagasan atau ideanya dan binaannya pula padu kerana mematuhi rumus binaan ayat dalam menghubungkan semua unsur di bawahnya, iaitu kata, frasa dan klausa. Kenalarannya pun jelas dengan tiadanya percanggahan maklumat di dalam ayat itu. Dari segi binaannya, ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan relatif tetapi masih tidak terlalu kompleks dan tidak mencacatkan kejelasan maksudnya.

Contoh ayat tunggal yang terdapat dalam sampel ialah:

- (80) Empat perkara asas untuk mengatasi krisis MCA dipersetujui dalam pertemuan sulit antara Datuk Mak Hon Kam dan Tan Koon Swan malam tadi.
(19 Ogos 1985)

Contoh ayat majmuk lain daripada sampel ialah:

- (81) Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri telah menerima tiga nama yang dikatakan terbabit dalam rasuah hingga menyebabkan persembahan pasukan bola sepak negara dalam kejohanan Piala Berlion di Singapura baru-baru ini begitu buruk.
(2 Disember 1985)

Ayat majmuk itu, walaupun merupakan ayat majmuk campuran antara ayat majmuk pancangan relatif dan ayat pancangan keterangan, ternyata masih jelas binaan dan maknanya dan dengan itu menjadi unsur kekuatan retorik kewartawanan dalam penulisan berita akhbar yang dikaji.

Rumusannya tergambar pada dapatan yang berikut:

- i. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang nalar.
- iv. Terdapat 2 daripada 12 sampel (16.7%) yang merupakan ayat tunggal.
- v. Sejumlah 10 daripada 12 sampel (83.3%) merupakan ayat majmuk.

Dapatan itu menunjukkan tekalnya jumlah sampel yang memenuhi ciri ayat yang berkesan dalam tahun 1985, iaitu semua ayat contoh memenuhi ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran ayat. Dari segi pola ayat pula, sesudah 7 tahun berturut-turut tidak ditemukan ayat tunggal dalam sampel, dalam tahun 1985 terdapat 2 sampel yang merupakan ayat tunggal. Namun ayat majmuk masih tetap dominan, iaitu 83.3%.

Tahun 1986 menunjukkan tahap kemantapan yang tinggi dengan semua sampel yang dianalisis terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contohnya:

- (82) Kerajaan dijangka meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 bagi melonggarkan beberapa bahagian akta itu yang dianggap terlalu mengongkong kebebasan pelajar dan ahli akademik.

(19Mei 1986)

Ayat itu merupakan ayat majmuk pancangan keterangan yang utuh binaannya dan jelas maknanya. Kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalarannya cukup jelas. Maklumatnya berfokus pada isu pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti, binaannya ayat

memenuhi rumus sintaksis bahasa Melayu dan tiada percanggahan maklumat di dalamnya.

Sebagai rumusannya, dapatan analisis digambarkan seperti yang berikut:

- i. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 11 sampel ayat terdiri daripada ayat yang nalar.
- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 11 sampel merupakan ayat majmuk.

Tahun 1987 pula memaparkan dapatan yang masih utuh dalam hal ayat yang berkesan tetapi meningkatnya ayat tunggal walaupun tidak banyak seperti dalam rumusan sesudah ini. Contoh ayat tunggal yang digunakan ialah:

- (83) Institut Teknologi Mara (ITM) menjalankan pemeriksaan air kencing terhadap semua pelajar lelaki baru bagi sesi Januari di kampus induk Shah Alam.
(5 Januari 1987)

Namun, 75% ayat masih lagi ayat majmuk untuk menyampaikan berita. Contohnya:

- (84) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diberi kontrak tiga tahun lagi untuk memproses dan membekalkan baja padi bernilai \$100 juta setahun kepada kerajaan, mulai tahun depan.
(2 November 1987)

Ayat tersebut merupakan ayat majmuk pancangan keterangan. Kedua-dua ayat, iaitu ayat tunggal dan ayat majmuk yang digunakan didapati memenuhi ciri ayat yang berkesan, iaitu mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran.

Sebagai kesimpulan, penggunaan ayat pada tahun 1987 menunjukkan bahawa:

- i. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 12 sampel merupakan ayat yang nalar.

- iv. Terdapat 3 sampel (25%) terdiri daripada ayat tunggal.
- v. Sejumlah 9 daripada 12 sampel (75%) terdiri daripada ayat majmuk.

Dari sudut ayat berkesan, tiga dapatan yang pertama meneguhkan kesimpulan penggunaan ayat yang memenuhi ciri ayat yang berkesan dalam sampel tahun 1987. Tetapi terdapat perubahan pada penggunaan pola ayat kerana dalam tahun berkenaan ditemukan 3 sampel (25%) ayat tunggal, kali pertama jumlah ayat tunggal mencapai angka tersebut.

Dapatan bagi tahun 1988 pula kembali kepada pola kebanyakan tahun sebelum ini, iaitu semua sampel yang dianalisis terdiri daripada ayat yang berkesan dan ayat majmuk. Contoh ayat yang memenuhi ciri ayat yang berkesan dan sekali gus contoh ayat majmuk ialah:

- (85) Persatuan Peguam Muslim Malaysia berpendapat usul Majlis Peguam Malaysia supaya Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar disingkirkan bukan sahaja satu penghinaan kepada beliau tetapi juga sistem kehakiman negara ini. (11 Julai 1988)

Ayat tersebut ialah ayat majmuk campuran, iaitu antara ayat majmuk pancangan komplemen dengan ayat majmuk gabungan. Binaannya masih tidak terlalu kompleks dan maknanya juga tidak samar kerana mempunyai kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran. Ayat berfokus pada satu maklumat, terbina berdasarkan rumus sintaksis dan tiada percanggahan maklumat.

Rumusannya adalah seperti yang berikut:

- i. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang berkesatuan gagasan.
- ii. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang padu.
- iii. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat yang nalar.

- iv. Tiada sampel yang terdiri daripada ayat tunggal.
- v. 100% daripada 11 sampel terdiri daripada ayat majmuk.

Tahun 1989 memperlihatkan dapatan yang lebih kurang sama, iaitu masih semua sampel terdiri daripada ayat berkesan tetapi ada peningkatan penggunaan ayat tunggal..

Contoh ayat tunggal:

- (86) Majlis Perubatan Am (GMC) United Kingdom menarik balik pengiktirafan penuh bagi ijazah perubatan Universiti Malaya (UM) mulai 1 Januari depan.
(3 Julai 1989)

Ayat majmuk yang digunakan dalam sampel tergambar pada contoh ini:

- (87) Kerajaan sentiasa bersikap adil kepada semua rakyat, tetapi prinsip dan ketegasan maruah bangsa serta agama Islam tidak boleh diketepikan semamata-mata atas desakan kaum lain, kata Naib Presiden Umno Encik Anwar Ibrahim.
(18 Disember 1989)

Ayat itu tergolong sebagai ayat majmuk gabungan dan masih terkawal kompleksitinya dan masih jelas maknanya. Ciri kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran dipenuhi dengan berfokusnya ayat pada satu maklumat, penerapan rumus sintaksis dalam pembentukan ayat dan tiadanya percanggahan maklumat di dalam ayat.

Rumusannya tergambar pada kenyataan yang berikut:

